



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

### **SAMBUTAN HARI HEPATITIS SEDUNIA 2024**

---

Pada tanggal 28 Julai setiap tahun, Kementerian Kesihatan Malaysia menyambut Hari Hepatitis Sedunia di peringkat kebangsaan. Tema sambutan hari Hepatitis pada tahun ini ialah “Sudah tiba masanya untuk bertindak” atau “*It’s time for action*” seperti yang diuar-uarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO). Tema sambutan Hari Hepatitis Sedunia pada tahun ini turut menekankan keperluan untuk berkolaborasi di dalam penyampaian perkhidmatan imunisasi, saringan, diagnosa, rawatan serta menggiatkan aktiviti advokasi di antara agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan bagi mencegah jangkitan Hepatitis. Kolaborasi ini perlu diperkasakan bagi mencapai objektif untuk mengurangkan komplikasi penyakit Hepatitis dan seterusnya mengurangkan kematian.

Hepatitis adalah penyakit keradangan hati yang lazimnya disebabkan oleh jangkitan virus (*viral hepatitis*) iaitu Virus Hepatitis A, B, C, D atau E. Virus Hepatitis A dan E biasanya berjangkit melalui pengambilan makanan atau air yang tercemar, dan tidak membawa kepada penyakit yang kronik. Manakala virus Hepatitis B, C dan D berjangkit melalui darah atau cecair badan dan boleh membawa kepada penyakit kronik yang

merupakan punca utama kepada sirosis atau parut hati (*liver cirrhosis*) dan kanser hati. Golongan yang berisiko adalah individu yang mengamalkan seks rambang, kontak rapat kepada pesakit Hepatitis (pasangan atau ahli keluarga), penagih dadah yang berkongsi jarum suntikan, pesakit buah pinggang yang menjalani hemodialisis, pesakit yang sering menjalani pemindahan darah, bayi kepada ibu hamil yang menghidap Hepatitis B atau C dan anggota kesihatan yang mengendalikan spesimen darah dan suntikan jarum pesakit.

Berdasarkan *Global Hepatitis Report 2024*, dianggarkan pada tahun 2022 terdapat sebanyak 2.2 juta kes jangkitan baru *viral hepatitis* di dunia, di mana 1.1 juta adalah jangkitan Hepatitis B dan 1.0 juta adalah Hepatitis C dan 100,000 kes adalah jangkitan bagi lain-lain jenis Hepatitis. Jumlah kematian yang dilaporkan pula adalah sebanyak 1.3 juta kes dengan 83% kematian adalah disebabkan oleh jangkitan Hepatitis B dan baki 17% kematian adalah disebabkan oleh jangkitan Hepatitis C.

Di Malaysia, jumlah keseluruhan kes Hepatitis B yang dilaporkan bagi tempoh 2013 – 2023 adalah sebanyak 49,992 kes. Kadar insiden yang dilaporkan pada tahun 2022 adalah 16.02 per 100,000 penduduk serta kadar kematian 0.33 per 100,000 penduduk. Manakala bagi Hepatitis C pula, jumlah keseluruhan kes Hepatitis C adalah 34,573 kes bagi tempoh yang sama. Kadar insiden yang dilaporkan pada tahun 2022 adalah sebanyak 14.17 per 100,000 penduduk serta kadar kematian 0.29 per 100,000 penduduk.

Hepatitis B boleh dicegah melalui imunisasi. Program imunisasi Hepatitis B kepada bayi di bawah Program Imunisasi Kebangsaan yang telah dimulakan semenjak tahun 1989. Dos pertama diberikan semasa

kelahiran, dos seterusnya pula diberikan kepada bayi menggunakan vaksin kombinasi enam serangkai (6 dalam 1) pada umur 2, 3, 5 dan 18 bulan. KKM menasihatkan ibubapa untuk memastikan bayi mereka diberi imunisasi Hepatitis B yang lengkap mengikut jadual yang ditetapkan dalam Program Imunisasi Kebangsaan. Sekiranya tercicir imunisasi, ibubapa perlu mendapatkan nasihat di klinik kesihatan yang berhampiran untuk penjadualan semula imunisasi. Untuk Hepatitis C pula, rawatan khusus kini boleh diberikan untuk menyembuhkan jangkitan.

Bersempena sambutan Hari Hepatitis Sedunia tahun ini, KKM menasihatkan orang ramai supaya sentiasa mengamalkan hidup yang sihat dan amalan kebersihan diri untuk mengelakkan risiko mendapat jangkitan hepatitis atau risiko untuk menjangkiti orang lain bagi individu yang telah dijangkiti. Orang ramai terutamanya golongan yang berisiko adalah dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan hepatitis seterusnya mendapatkan nasihat dan rawatan di fasiliti kesihatan. Pengesanan dan rawatan awal dapat mengelakkan komplikasi jangkitan seperti penyakit hati yang teruk dan kanser hati, dan seterusnya kematian. Sebarang maklumat lanjut mengenai viral hepatitis dan vaksin hepatitis boleh diperolehi daripada laman sesawang MyHealth dan Infosihat. Khidmat nasihat berkaitan viral hepatitis juga boleh didapati daripada anggota kesihatan di fasiliti kesihatan.

**Selamat Menyambut Hari Hepatitis Sedunia 2024**

**“Sudah tiba masanya untuk bertindak”**

**DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN**

**KETUA PENGARAH KESIHATAN**

**28 JULAI 2024**